

Selasa, 23 Julai 2019 | 8:25pm

## KPDNHEP rampas 2,644 beg baja subsidi

Oleh Zuliaty Zulkifli  
bhnews@bh.com.my

**BUKIT KAYU HITAM:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) merampas 2,644 beg baja urea dan baja sebatian bersubsidi yang disimpan secara haram di Sanglang dan Air Hitam, dekat sini, semalam.

Ketua Pegawai Penguat Kuasa KPDNHEP Kedah, Omar Ismail, berkata dalam serbuan serentak pada jam 9 pagi itu, pegawai KPDNHEP yang melakukan pemeriksaan di sebuah rumah di Sanglang, menemui 1,535 beg baja pelbagai jenis bernilai RM73,386 dan menahan seorang lelaki berusia lingkungan 30-an.

Katanya, serbuan di Air Hitam pula, pihaknya merampas 1,109 guni pelbagai jenis baja bernilai RM72,360 dan menahan seorang wanita berusia 50-an.

"Semua baja dianggarkan bernilai RM145,745 disimpan tanpa kelulusan pihak berkuasa dan dua warga tempatan ditahan bagi membantu siasatan."

"Kedua-dua lokasi sebelum ini pernah diserbu Agensi Kawalan Sempadan Malaysia (AKSEM) kerana melakukan kegiatan sama," katanya pada sidang media di sini, hari ini.

Kedua-dua kes itu disiasat mengikut Peraturan 3(1) Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan 1974, iaitu melakukan urus niaga barang kawalan berjadual tanpa lesen borong dan jika sabit kesalahan individu berkenaan boleh didenda sehingga RM1 juta.

Omar berkata, melihat modus operandi yang dilakukan, pihaknya percaya baja berkenaan akan dibungkus semula sebelum dijual kepada petani bagi mendapatkan untung mudah.

"Kita juga sedang menyiasat dari mana mereka dapat membeli baja ini atau kemungkinan ia dibekalkan pihak tertentu."

"Kita nasihatkan petani supaya tidak menyalah guna barang subsidi yang diterima secara percuma kerana jika berlaku penyelewengan, yang terjejas adalah golongan petani," katanya.



Omar menunjukkan baja subsidi yang dirampas di dua lokasi berasingan di Sanglang dan Kampung Kuala Kerpan. - NSTP/Shahrizal Md Noor